



KUPASAN MUTU JAWAPAN

KIMIA 2
4541/2

SPM
2014

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kod Mata Pelajaran	:	4541/2
Bentuk Ujian	:	Subjektif
Markah Penuh	:	100 markah
Masa	:	2 jam 30 minit

REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas *Chemistry 2* mengandungi tiga bahagian:

Bahagian A	Mengandungi enam soalan struktur di mana calon dikehendaki menjawab semua soalan tersebut.
Bahagian B	Mengandungi dua soalan esei respons tertutup di mana calon dikehendaki menjawab satu soalan.
Bahagian C	Mengandungi dua soalan esei respons terbuka di mana calon dikehendaki menjawab satu soalan.

Calon diberi masa dua jam tiga puluh minit (2½) untuk menjawab ketiga-tiga bahagian tersebut. Kertas soalan merangkumi Sukatan Pelajaran Tingkatan 4 dan 5. Item-item yang digubal berfokus kepada semua konstruk seperti pengetahuan kimia, pemahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan aplikasi praktikal dalam kehidupan seharian. Taburan tajuk mengikut soalan 2015 adalah seperti di bawah:

Bahagian A

Soalan 1	:	Bahan Buatan dalam Industri
Soalan 2	:	Formula dan Persamaan Kimia
Soalan 3	:	Struktur Atom
Soalan 4	:	Elektrokimia
Soalan 5	:	Tindak balas Redoks
Soalan 6	:	Kadar Tindak Balas

Bahagian B

Soalan 7	:	Asid, Bes dan Garam
Soalan 8	:	Sebatian Karbon

Bahagian C

Soalan 9	:	Jadual Berkala Unsur
Soalan 10	:	Termokimia

PRESTASI KESELURUHAN

Secara umumnya, prestasi jawapan adalah baik. Hampir keseluruhan responss yang diberikan menepati kehendak tugas soal dalam bahagian A. Kualiti jawapan bahagian A adalah sangat baik bagi kumpulan pencapaian tinggi manakala bagi bahagian B dan C, hanya calon daripada kumpulan pencapaian tinggi dan sederhana sahaja yang dapat memberi respons dengan baik serta memenuhi kehendak tugas soal. Walau bagaimanapun prestasi keseluruhan tidaklah sebaik pencapaian tahun lalu.

Penggunaan Bahasa Inggeris dalam menjawab soal adalah memuaskan. Kebanyakan jawapan yang diberikan adalah dalam Bahasa Inggeris. Sebilangan kecil huraian/penerangan jawapan yang dinyatakan dalam Bahasa Inggeris dan beberapa perkataan dalam Bahasa Melayu. Terdapat juga jawapan-jawapan yang dinyatakan dalam Bahasa Melayu sepenuhnya. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya kebanyakan calon dapat menjawab dalam Bahasa Inggeris dengan baik.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Kumpulan Tinggi

Persembahan jawapan adalah sangat baik dari segi pengetahuan, kefahaman dan aplikasi. Jawapan yang dinyatakan adalah menepati kehendak tugas yang diberikan di mana ianya adalah tepat, jelas dan ditulis secara kemas dan teratur.

Jawapan yang diberi menunjukkan kumpulan ini mempunyai pengetahuan yang tinggi dan menguasai kandungan sehingga ke tahap tinggi. Kemahiran berkomunikasi yang baik juga jelas kelihatan dalam menyampaikan jawapan di mana penggunaan tata bahasa yang betul beserta jadual dan ilustrasi gambar rajah bagi soal-soal esei adalah tepat.

Semua rajah telah dilukis dengan betul, kemas dan dilabelkan selengkapnya. Bagi soal yang melibatkan pengiraan, semua langkah kerja ditunjukkan secara terperinci dan jawapan beserta unit yang betul dinyatakan.

Penguasaan kemahiran menulis persamaan kimia adalah sangat baik di mana persamaan kimia ditulis dengan betul dan seimbang. Calon kumpulan ini memilih soal esei yang bersesuaian berupaya memperolehi markah yang tinggi malah terdapat sebilangan kes dalam kumpulan ini menjawab lebih daripada dua soal esei.

Kumpulan Sederhana

Jawapan yang memerlukan pengetahuan dan kefahaman di peringkat asas masih menepati dengan kehendak tugas soal. Walau bagaimanapun, jawapan yang memerlukan penerangan dan aplikasi kebanyakannya tidak memenuhi kehendak tugas yang dinyatakan dalam soal kerana gagal memahami tugas soal.

Sebahagian daripada persembahan jawapan yang melibatkan penyusunan idea dan isi-isi dalam urutan yang betul bagi prosedur eksperimen bagi soal 9(c) dan 10(b)(ii) tidak memenuhi kehendak tugas soal. Rajah yang di lukis tidak berfungsi dan kurang tepat serta label yang tidak lengkap.

Respons yang melibatkan penyelesaian masalah berangka dapat ditunjukkan dengan betul walaupun dengan unit yang salah. Terdapat juga respons yang gagal menunjukkan nisbah mol dalam sesuatu pengiraan. Jawapan yang dipersembahkan kebanyakannya adalah tidak spesifik dan umum. Selain itu, kemahiran menulis persamaan kimia, persamaan ion dan setengah persamaan adalah tidak tepat di mana persamaan yang diberikan tidak seimbang. Terdapat juga lebih daripada satu jawapan dinyatakan dan bercanggah menyebabkan kehilangan markah.

Kumpulan Rendah

Kualiti jawapan yang dipersembahkan adalah lemah kerana kurangnya kefahaman kepada tugas soal yang dinyatakan. Sebahagian daripada jawapan yang diberikan menggunakan kunci jawapan dan konsep kimia yang salah. Respons yang diberikan menunjukkan calon gagal menerangkan sesuatu konsep dengan tepat. Kemahiran menulis formula bagi bahan atau hasil tindak balas dalam persamaan kimia adalah sangat lemah menyebabkan kegagalan menulis persamaan kimia yang tepat malah kemahiran menyelesaikan masalah berangka yang melibatkan persamaan kimia juga gagal dikuasai dengan baik.

Jawapan yang diberikan untuk soal esei tidak sepenuhnya malah ada yang tidak menjawab soal esei. Penguraian prosedur eksperimen gagal dinyatakan dalam urutan yang betul. Majoriti respons yang diberikan adalah secara umum, menggunakan istilah yang tidak tepat, salah ejaan dan rajah yang tidak berfungsi serta lengkap. Kebanyakan jawapan yang diberikan kurang memenuhi kehendak tugas soal malah terdapat tugas soal tidak di jawab.

Soalan 1

1 Diagram 1 shows a pot and a rain coat.

Rajah 1 menunjukkan sebuah periuk dan sehelai baju hujan.




Diagram 1

Rajah 1

Tugasan soalan menguji aras pengetahuan kimia tentang unsur dan jenis bahan yang digunakan untuk membuat periuk keluli nirkarat dan baju hujan.

Soalan 1 (a)(i)

(a) (i) The pot is made from stainless steel. Chromium is one of the elements in stainless steel.

State two other elements in stainless steel.

Periuk diperbuat daripada keluli nirkarat. Kromium adalah salah satu unsur dalam keluli nirkarat.

Nyatakan dua unsur lain dalam keluli nirkarat.

Soalan ini memerlukan calon menyatakan (menamakan atau menulis formula kimia) dua unsur yang terdapat dalam keluli nirkarat selain dari kromium.

Iron, carbon
.....

Jawapan di atas merupakan jawapan yang tepat. Dua unsur yang betul diberikan mengikut kehendak soalan.

Iron and nichrome copper
.....

Jawapan yang kurang tepat, hanya menyatakan satu unsur yang betul sahaja.

Soalan 1 (a)(ii)

- (ii) State the difference in hardness between stainless steel and its pure metal.

Nyatakan perbezaan dari segi kekerasan antara keluli nirkarat dan logam tulennya.

Soalan menguji pengetahuan tentang perbezaan kekerasan antara keluli nirkarat dan besi. Calon perlu mengetahui sifat kedua-dua bahan ini.

.....Stainless steel is harder than its pure metal.....

Jawapan yang bermutu menunjukkan pengetahuan yang baik tentang sifat bahan.

.....Atom dalam logam lebih rapat mudah untuk
mengelonsor.....

Jawapan yang diberikan tidak menunjukkan tentang perbezaan sifat kekerasan.

Soalan 1 (b)(i)

- (b) The cover of the pot is made of glass.

Penutup periuk diperbuat daripada kaca.

- (i) State the main component of glass.

Nyatakan komponen utama kaca.

Soalan ini menguji pengetahuan tentang komponen utama yang terdapat dalam kaca.

.....Silica.....

Jawapan yang tepat dimana calon menyatakan komponen utama dalam kaca.

silikat, Seramik, Pasir

Respons yang tidak memenuhi kehendak soalan.

Soalan 1 (b)(ii)

- (ii) Suggest the type of glass that is most suitable to make the cover.

Cadangkan jenis kaca yang paling sesuai untuk membuat penutup itu.

Soalan menguji pengetahuan tentang jenis kaca yang sesuai untuk membuat penutup periuk.

.....Borosilicate glass.....

Kebanyakan calon mengetahui kaca borosilikat adalah sesuai untuk membuat penutup periuk.

Borosilicate glass.

Terdapat kesilapan pada ejaan jenis kaca yang dinyatakan.

, kaca Fotokeramik

Respons yang tidak memenuhi kehendak soalan. Mencadangkan jenis kaca yang mempunyai ciri bukan untuk tahan suhu yang tinggi.

Soalan 1 (b)(iii)

- (iii) Give **one** reason for your answer in 1(b)(ii).

*Berikan **satu** sebab bagi jawapan anda di 1(b)(ii).*

Soalan memerlukan calon memberi sebab mengapa jenis kaca yang dinamakan dalam soalan 1(b)(ii) sesuai digunakan untuk membuat penutup periuk.

.....Able to withstand high ~~amount~~ temperatures.....

Jawapan yang baik kerana dapat memberi sebab yang betul kepada tugas soalan.

Soalan 1 (c)(i)

- (c) The rain coat is made from a synthetic polymer, polyvinyl chloride.

Baju hujan itu diperbuat daripada polimer sintetik, polivinil klorida.

- (i) State the name of the monomer for polyvinyl chloride.

Nyatakan nama monomer bagi polivinil klorida.

Soalan ingin menguji pengetahuan tentang nama monomer bagi polivinil klorida.

.....Chloroethene.....

Jawapan yang tepat. Calon dapat menamakan kloroetena adalah monomer bagi polivinil klorida.

Boronsilicate.

Klorin

isoprene


Respons jawapan yang salah. Terdapat kecenderungan meneka semasa memberi respons.

Soalan 1 (c)(ii)


(ii) Draw the structural formula for the monomer.

Lukis formula struktur bagi monomer itu.

Soalan ini menguji pengetahuan calon tentang formula molekul vinil klorida dan memahami cara untuk melukis formula strukturnya.



Jawapan yang betul. Calon dapat melukis formula struktur vinil klorida.



Jawapan yang tidak tepat di mana calon melukis formula struktur bagi polimer vinil klorida.



Jawapan yang tidak tepat di mana calon melukis formula struktur berdasarkan formula molekul yang salah.

Soalan 1 (c)(iii)

(iii) State **one** reason why polyvinyl chloride should not be disposed by open burning?

*Nyatakan **satu** sebab mengapa polivinil klorida tidak sepatutnya dilupuskan secara pembakaran terbuka?*

Soalan ini menguji kefahaman tentang kesan pembakaran polivinil klorida secara terbuka.

Releasys harmful and poisonous gas that can cause air pollution

Jawapan yang cemerlang dapat menyatakan kesan kebakaran terbuka.

*- because it is biodegradable
- Do not decompose*

Jawapan yang lemah. Alasan yang diberikan tidak memenuhi kehendak soalan.

Soalan 2

2 Diagram 2 shows the apparatus set-up to determine the empirical formula for an oxide of copper.

Rajah 2 menunjukkan susunan radas untuk menentukan formula empirik bagi suatu oksida kuprum.




Diagram 2
Rajah 2

Soalan menguji kefahaman tentang kemahiran menentukan formula empirik sesuatu sebatian.

Soalan 2(a)

(a) State the name of **two** reactants for the preparation of hydrogen gas.

*Nyatakan nama **dua** bahan tindak balas bagi penyediaan gas hidrogen.*

Soalan menguji pengetahuan untuk menamakan bahan kimia yang diperlukan untuk menghasilkan gas hidrogen.

zinc and hydrochloric acid.

Jawapan yang tepat. Calon dapat menamakan kedua-dua bahan kimia dengan betul

- Sulphuric acid and copper.

- acid and metal

~~Copper oxide~~ zinc oxide and sulphuric acid.

Jawapan yang kurang tepat. Calon mengetahui bahawa asid diperlukan untuk menghasilkan gas hidrogen. Walau bagaimanapun calon menamakan logam yang kurang reaktif daripada hidrogen atau menamakan oksida logam sebagai bahan kimia yang kedua.

Soalan 2(b)

(b) What is the function of anhydrous calcium chloride?

Apakah fungsi kalsium klorida kontang?

Soalan menguji pengetahuan tentang fungsi bahan kimia yang terdapat dalam tiub-U.

to dry hydrogen gas.

Jawapan yang cemerlang. Calon dapat menyatakan fungsi kalsium klorida kontang dengan betul.

Soalan 2(C)

(c) Table 1 shows the data obtained from the experiment.

Jadual 1 menunjukkan data diperolehi daripada eksperimen itu.

Description <i>Penerangan</i>	Mass (g) <i>Jisim (g)</i>
Combustion tube + porcelain dish <i>Tiub pembakaran + piring porselin</i>	24.60
Combustion tube + porcelain dish + oxide of copper <i>Tiub pembakaran + piring porselin + oksida kuprum</i>	27.00
Combustion tube + porcelain dish + copper <i>Tiub pembakaran + piring porselin + kuprum</i>	26.52

Table 1
Jadual 1

Based on Table 1, calculate the empirical formula for the oxide of copper.

Berdasarkan Jadual 1, hitung formula empirik bagi oksida kuprum.

[Relative atomic mass: Cu = 64; O = 16]

[*Jisim atom relatif*: Cu = 64; O = 16]


Soalan menguji kefahaman untuk menentukan jisim, bilangan mol dan menentukan formula empirik bagi oksida kuprum.

	Cu	O
mass	1.92	0.48
mol	$= \frac{1.92}{64}$ $= 0.03 \text{ mol}$	$= \frac{0.48}{16}$ $= 0.03 \text{ mol}$
simplest mol ratio	1	1



Jawapan yang tepat di mana calon dapat menunjukkan langkah penentuan formula empirik dengan menghitung

1. Jisim kuprum dan oksigen
2. Bilangan mol kuprum dan oksigen
3. Nisbah teringkas dan menyatakan formula empirik



Jawapan yang kurang tepat semasa menulis formula empirik yang tidak mengikut konvensi.

Soalan 2(d)

(d) How do you ensure all oxide of copper is reduced to copper?

Bagaimanakah anda memastikan semua oksida kuprum diturunkan kepada kuprum?

Soalan menguji kefahaman tentang kaedah untuk memastikan kesemua oksida kuprum diturunkan kepada kuprum.

*the process of heating, cooling and weighing is repeated
until a constant mass is obtained.*

Calon boleh menghuraikan kaedah untuk memastikan oksida kuprum diturunkan dengan lengkap.

The black colour of copper(II) oxide turns to brown colour.

Jawapan yang salah. Calon menyatakan pemerhatian bukannya kaedah yang betul.

Soalan 2(e)(i)

(e) (i) Can the empirical formula for magnesium oxide be determined by using this method?

Bolehkah formula empirik bagi magnesium oksida ditentukan dengan menggunakan kaedah ini?

Soalan ini menghendaki calon membuat keputusan sama ada formula empirik magnesium oksida boleh ditentukan dengan menggunakan kaedah yang sama.

NO

Calon dapat menyatakan kaedah ini tidak boleh diguna untuk menentukan formula magnesium oksida.

Soalan 2(e)(ii)

(ii) Give **one** reason for your answer in 2(e)(i).

Berikan satu alasan bagi jawapan anda di 2(e)(i).

Soalan ini menguji kefahaman calon memberi alasan untuk jawapan di 2(e)(i)

Magnesium is more reactive than hydrogen

Jawapan yang tepat di mana alasan yang sesuai bertepatan dengan konsep siri kereaktifan.

Because magnesium is a reactive metal and it is more reactive than copper.


Magnesium oxide is a reactive metal and this method is only for less reactive metal

Respons yang tidak tepat di mana calon keliru dengan konsep siri kereaktifan semasa meramalkan sesuatu tindak balas kimia.

Soalan 3

- 3 (a) Diagram 3 shows standard representation for three isotopes of carbon which are carbon-12, carbon-13 and carbon-14.

Rajah 3 menunjukkan perwakilan piawai bagi tiga isotop karbon iaitu karbon-12, karbon-13 dan karbon-14.



- (i) What is the meaning of isotope?
Apakah yang dimaksudkan dengan isotop?

Soalan menguji pengetahuan tentang isotop.

Atom of the same element with the same proton number but different nucleon number.

Atom of the same element but different nucleon number

Respons yang menyatakan maksud isotop dengan betul.

isotop ialah unsur yang mempunyai ^{bilangan} ~~nombor~~ atom yang sama.
tetapi ~~nukleon~~ yang bilangan neutron yang berbeza

isotop ialah atom-atom yang mempunyai unsur y
~~nombor~~ bilangan proton yang sama tetapi bilangan
nukleon yang berbeza.

Jawapan yang tidak tepat. Respons yang tepat perlu merangkumi dengan jelas perkara-perkara berikut iaitu atom, bilangan proton atau nombor proton, bilangan neutron atau nombor nukleon dalam sesuatu atom. Kesilapan dalam menerangkan salah satu dari konsep tersebut menyebabkan maksudnya tidak tercapai.

Soalan 3 (a)(ii)

(ii) Determine the number of neutrons in carbon-13.

Tentukan bilangan neutron dalam karbon-13.

Soalan menguji kefahaman untuk menentukan bilangan neutron dalam atom karbon-13

7.

Jawapan yang tepat ditentukan dengan cara mencari perbezaan antara nombor nukleon dan nombor proton.

13
.....

6
.....

Jawapan yang salah. Respons yang pelbagai diberikan apabila calon mengambil maklumat secara rambang dari simbol soalan yang diberikan.

Soalan 3 (a)(iii)

(iii) State one use of carbon-14 in daily life.

Nyatakan satu kegunaan karbon-14 dalam kehidupan harian.

Soalan menguji pengetahuan penggunaan karbon-14 dalam kehidupan seharian.

To estimate the age of bone, wood or fossils..

Jawapan yang baik dapat diberikan.

To ~~use~~ detect ^{and kill} the cancer cell.


Respons yang salah. Kebiasaannya calon menyatakan penggunaan isotop yang tidak tepat.

Soalan 3 (a)(iv)

(iv) Draw the atomic structure of carbon-12 and label the subatomic particles.


Lukis struktur atom karbon-12 dan label zarah subatomnya.

Soalan menguji kefahaman untuk melukis struktur atom dan melabel zarah sub atom bagi atom karbon-12.



Jawapan yang tepat di mana mengandungi perkara-perkara berikut;

1. Nukleus ditunjukkan dan bilangan petala berisi elektron yang betul.
2. Label bilangan proton dan neutron yang betul.



Jawapan yang kurang tepat di mana tidak melabel zarah sub atom.

Soalan 3 (b)(i)

(b) Table 2 shows the physical properties of substance X and substance Y.

Jadual 2 menunjukkan sifat fizik bagi bahan X dan bahan Y.

Substance <i>Bahan</i>	Melting point (°C) <i>Takat lebur (°C)</i>	Boiling point (°C) <i>Takat didih (°C)</i>	Electrical conductivity <i>Kekonduksian elektrik</i>	
			Solid <i>Pepejal</i>	Molten <i>Leburan</i>
X	-23	77	Cannot <i>Tidak boleh</i>	Cannot <i>Tidak boleh</i>
Y	801	1413	Cannot <i>Tidak boleh</i>	Can <i>Boleh</i>

Table 2
Jadual 2

Based on Table 2,

Berdasarkan Jadual 2,

(i) what are the physical states of substance X and substance Y at room temperature?

apakah keadaan fizik bagi bahan X dan bahan Y pada suhu bilik?

X :

Y :

Soalan menguji kefahaman untuk menentukan keadaan fizik bagi bahan-bahan berdasarkan maklumat yang diberikan.

x: ...Liquid.....

y: ...solid..

Jawapan tepat diberikan oleh calon adalah seperti di atas.

x:liquid.....

y:gas.....

Jawapan yang kurang tepat di mana calon yang tidak dapat menyatakan keadaan fizik yang betul bagi kedua-dua bahan.

Soalan 3 (b)(ii)

(ii) explain the difference in melting point of substance X and substance Y.

terangkan perbezaan takat lebur bagi bahan X dan bahan Y.

Soalan menguji kefahaman untuk menerangkan perbezaan takat lebur bahan X dan Y

Melting point of substance X is lower than substance Y.

It is because substance X is covalent compound which

held together by a weak intermolecular force and required small heat to melt. Substance Y is held together by a strong electrostatic forces. It requires a large heat to melt.

Jawapan yang cemerlang di mana merangkumi perkara berikut:

1. Membandingkan takat lebur kedua-dua bahan.
2. Menyatakan sebab perbezaan itu.

Melting point of substance X is lower than melting point of substance Y. Melting Substance X needs less heat energy than Van der Waals forces between electrons and nucleus than substance Y which has strong electrostatic forces of bonds.

Respons yang kurang tepat. Calon dapat membandingkan takat lebur tetapi tidak dapat menyatakan sebab.

Soalan 3 (b)(iii)

(iii) state the type of particles in substance X.

nyatakan jenis zarah dalam bahan X.

Soalan menguji pengetahuan mengenai jenis zarah dalam sebatian X.

ions

Respons yang tepat. Pengetahuan mengenai kekonduksian elektrik dalam satu keadaan diperlukan.


pepejal ... liquid ... Gas

Jawapan yang tidak tepat. Calon tidak dapat membezakan jenis zarah dan keadaan jirim.

Soalan 4 (a)

- 4 Diagram 4.1 and Diagram 4.2 show the apparatus set-up for two electrolytic cells with different electrolytes.

Rajah 4.1 dan Rajah 4.2 menunjukkan susunan radas bagi dua sel elektrolisis dengan elektrolit yang berlainan.



- (a) State the meaning of electrolyte.

Nyatakan maksud elektrolit.

Soalan menguji pengetahuan tentang maksud elektrolit.

Electrolyte is a substance which contain free moving ion during ~~aqueous~~ molten and aqueous state and can conduct electricity.

Jawapan menyatakan maksud elektrolit dengan tepat.

contains free moving ions ^{whether} ~~whete~~ in molten state ~~to~~ or in aqueous solution.

A substance that has free moving ions.

Jawapan yang tidak tepat. Calon gagal menyatakan bahan, keadaan bahan dan kebolehan mengalirkan arus elektrik untuk menyatakan maksud dengan tepat.

Soalan 4 (b)(i)

(b) Based on Diagram 4.1,

Berdasarkan Rajah 4.1,

(i) why does the bulb light up when molten lead(II) bromide is used as electrolyte?

mengapakah mentol itu menyala apabila leburan plumbum(II) bromida digunakan sebagai elektrolit?

Soalan menguji kefahaman tentang kekonduksian elektrik.

Molten lead (II) bromide consists of freely moving ions to conduct electricity.

Jawapan yang tepat. Calon dapat menerangkan kehadiran ion-ion yang bebas bergerak perlu untuk mentol menyala.

Lead (II) bromide is an ionic compound.

The circuit is completed.

Respon yang salah. Calon dapat mengenal pasti kehadiran ion-ion di dalam sebatian dan litar yang lengkap mengalirkan arus elektrik. Walau bagaimanapun ianya masih lagi tidak dapat menerangkan kehadiran ion-ion yang bebas bergerak.

Soalan 4 (b)(ii)

(ii) write all the formulae for the ions present in lead(II) bromide.

tulis semua formula bagi ion-ion yang hadir dalam plumbum(II) bromida.

Soalan menguji kefahaman untuk menulis formula bagi ion-ion.

Pb²⁺, Br⁻

Penulisan formula bagi ion-ion dengan tepat.

Lead (II) ions, bromide ions

Pb²⁺, Br⁻, H⁺, OH⁻

Jawapan kurang memuaskan di mana calon menamakan ion bukannya memberi formula ion. Calon dapat mengenal pasti ion-ion yang wujud dalam plumbum (II) bromida tetapi gagal memenuhi kehendak soalan.

Soalan 4 (b)(iii)

(iii) state the observation at cathode.

nyatakan pemerhatian pada katod.

Soalan menguji kefahaman untuk menyatakan pemerhatian yang berlaku pada elektrod.

A grey solid is formed.

Jawapan yang tepat. Calon dapat menyatakan pemerhatian berdasarkan ion yang dinyahcas di katod

Cathode becomes thicker.

Lead (II) decomposed at cathode.

A layer of white metal deposit on cathode.

Brown solid deposited.


Respon yang tidak tepat. Pemerhatian yang dinyatakan tidak merujuk kepada elektrolit yang digunakan.

Soalan 4 (b)(iv)



(iv) write the half equation at cathode.

tulis setengah persamaan pada katod.


Soalan menguji kefahaman menulis setengah persamaan tindak balas dengan tepat dan seimbang.



Calon menuliskan setengah tindak balas dengan tepat.



Jawapan yang salah. Calon gagal menulis formula hasil tindak balas dengan betul atau gagal mengimbangi persamaan kimia.



Terdapat juga calon yang menyatakan ion yang salah untuk dinyahcas semasa elektrolisis.

Soalan 4 (c)(i)

(c) Based on Diagram 4.2,

Berdasarkan Rajah 4.2,

(i) state which electrode is anode.

nyatakan elektrod manakah adalah anod.

Soalan menguji kefahaman untuk mengenal pasti anod sel elektrolitik.

Carbon electrode X

Calon dapat memberi respons yang tepat.

Carbon electrode Y

Calon gagal mengenal pasti anod.

Soalan 4 (c)(ii)

(ii) state the observation at the anode.

nyatakan pemerhatian pada anod.

Soalan menguji kefahaman untuk menyatakan pemerhatian yang berlaku pada elektrod.

Colourless gas is released

Jawapan yang baik dapat menyatakan pemerhatian dengan tepat.

Oxygen gas is present

Gas bubbles can be seen

Oxygen gas is released


Respons yang tidak tepat. Calon tidak dapat membezakan pemerhatian dan inferens di mana terdapat calon yang menyatakan inferens sebagai jawapan.

Soalan 4 (c)(iii)




(iii) write the half equation at the anode.

tulis setengah persamaan pada anod.

Soalan menguji kefahaman menulis setengah persamaan tindak balas dengan tepat dan seimbang.



Calon menuliskan setengah tindak balas dengan tepat.



Jawapan yang tidak tepat. Calon dapat mengenal pasti ion hidroksida yang di pilih untuk di discas di anod semasa elektrolisis tetapi terdapat kelemahan dalam menuliskan setengah persamaan tindakbalas.

Soalan 4 (d)

(d) In Diagram 4.2, carbon anode is replaced with copper and electrolysis is carried out for 20 minutes. State the observation at the anode. Give a reason.

Dalam Rajah 4.2, anod karbon digantikan dengan kuprum dan elektrolisis dijalankan selama 20 minit. Nyatakan pemerhatian di anod. Beri satu sebab.

Soalan ini menguji kemahiran mengaplikasikan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan ion untuk dinyahcaskan dan pemerhatian yang berlaku serta menyatakan sebabnya.

- The electrode become thinner

- Cu atom release electron

Jawapan yang tepat. Pemerhatian serta alasan dinyatakan dengan betul.

The copper electrode become thinner
Because it release electron.

Copper electrode becomes thinner as copper (II)
ions is discharged.

The copper anode will become thinner, because
copper is a active electrode which can dissolve to
form copper(II) ion in the solution.

Secara keseluruhannya jawapan calon dapat menyatakan pemerhatian yang betul tetapi gagal memberi sebab kepada pemerhatian tersebut.

Soalan 5

- 5 Table 3 shows the information for four sets of experiment to construct the reactivity series of metals.

Jadual 3 menunjukkan maklumat bagi empat set eksperimen untuk membina siri kereaktifan logam.

Set	Reactants <i>Bahan tindak balas</i>	Observation <i>Pemerhatian</i>
I	Carbon + Iron(III) oxide <i>Karbon + Ferum(III) oksida</i>	Grey solid is formed <i>Pepejal kelabu terbentuk</i>
II	Carbon + Oxide of X <i>Karbon + Oksida X</i>	Brown solid is formed <i>Pepejal perang terbentuk</i>
III	Carbon + Magnesium oxide <i>Karbon + Magnesium oksida</i>	No change <i>Tiada perubahan</i>
IV	X + Iron(III) oxide <i>X + Ferum(III) oksida</i>	No change <i>Tiada perubahan</i>

Table 3
Jadual 3

Soalan 5 (a)(i)

- (a) Set I is a redox reaction.

Set I adalah tindak balas redoks.

- (i) What is the meaning of redox reaction?

Apakah yang dimaksudkan dengan tindak balas redoks?

Soalan menguji pengetahuan tentang maksud tindak balas redoks.

chemical reaction which both oxidation and reduction occur at the same time.

Respons jawapan yang cemerlang di mana menepati maksud takrifan tindak balas redoks.

Redox reaction is a chemical reaction which involves reduction or oxidation.

Respons jawapan yang tidak tepat. Maksud tindak balas redoks adalah tidak lengkap disebabkan oleh perkataan atau (or) salah digunakan, sepatutnya perkataan 'dan' (pengoksidaan dan penurunan) digunakan. Kesilapan juga disebabkan oleh perkataan "serentak/pada masa yang sama" tidak dinyatakan.

Redox reaction is change of number of oxidation of reaction.


Jawapan yang tidak memenuhi kehendak tugas soalannya di mana tidak dapat menyampaikan maksud tindak balas redoks disebabkan kurang pengetahuan dalam konsep tindak balas redoks.

Soalan 5 (a)(ii)

(ii) Write the chemical equation for the reaction.

Tulis persamaan kimia bagi tindak balas itu.

Soalannya menguji kemahiran menulis persamaan kimia.



Jawapan yang lengkap merangkumi formula bahan dan hasil tindak balas dan seterusnya mengimbangkan persamaan kimia dengan betul.



Jawapan yang kurang tepat kerana persamaan kimia tidak seimbang.



Jawapan yang tidak tepat kerana formula bahan dan hasil tindak balas yang salah.

Soalan 5 (a)(iii)

(iii) State the change in the oxidation number of iron.

Nyatakan perubahan nombor pengoksidaan bagi besi.

Soalan menguji kemahiran mengaplikasi tentang nombor pengoksidaan sesuatu unsur dan perubahannya.

+3 to 0
.....

Jawapan yang tepat di mana perubahan nombor pengoksidaan dinyatakan dengan jelas dan betul.

3+ to 0
.....

Respons yang tidak tepat. Nombor pengoksidaan bagi ion ferum(III) dinyatakan sebagai 3+ , sepatutnya +3.

+3 to +2

Respons yang salah.

Soalan 5 (a)(iv)

(iv) Which substance undergoes reduction?

Bahan manakah mengalami penurunan?

Soalan menguji kefahaman untuk menentukan bahan yang mengalami penurunan.

iron (III) oxide
.....

Jawapan yang tepat. Calon dapat menentukan bahan yang mengalami penurunan berdasarkan tindak balas dan pemerhatian yang diberikan.

iron (II) oxide
.....

Respons yang salah.

carbon
.....

Respons yang tidak tepat kerana calon tidak faham tentang konsep tindak balas penurunan dan pengoksidaan.

Soalan 5 (b)

(b) Based on set II and set III, explain the difference in the observations.

Berdasarkan set II dan set III, terangkan perbezaan dalam pemerhatian itu.

Soalan menguji kemahiran mengaplikasi siri kereaktifan bagi menerangkan perbezaan tindak balas yang berlaku berdasarkan pemerhatian.

Carbon can remove oxygen from oxide of X in set II because carbon is more reactive than X in reactivity series. Carbon cannot remove oxygen from ~~oxide of magnesium~~ oxide because magnesium is more reactive than carbon in reactivity series

Jawapan yang baik kerana mengaplikasikan siri kereaktifan untuk membandingkan dua tindak balas berdasarkan. Penerangan yang betul juga diberikan.

Carbon is more ~~electropos~~ electropositive than X but less ~~electropos~~ electropositive than magnesium. Carbon ~~is~~ can reduced metal X from its ~~oxide~~ oxide but carbon cannot reduced ~~magnesium~~ magnesium from magnesium oxide.

Jawapan yang kurang tepat kerana kekeliruan tentang siri kereaktifan dan siri elektrokimia.

The brown solid is formed in set II but set III no change. The magnesium is more ~~electropositive~~ electrostatic than the carbon.

Jawapan yang salah kerana tidak dapat menerangkan perbezaan dalam pemerhatian bagi kedua-dua tindak balas serta penerangan yang dihuraikan adalah tidak tepat.

Soalan 5 (c)(i)

(c) (i) Arrange X, carbon, magnesium and iron in descending order of reactivity.

Susun X, karbon, magnesium dan ferum dalam susunan menurun kereaktifan.

Soalan menguji kefahaman untuk menyusun unsur-unsur berdasarkan pemerhatian.

Magnesium, carbon, iron, X

Jawapan yang tepat. Calon dapat menyusun unsur-unsur berdasarkan susunan menurun kereaktifan.

Mg, C, X, Fe

Jawapan yang tidak tepat kerana susunan yang salah dengan meletakkan X sebelum ferum.

Soalan 5 (c)(ii)

(ii) Suggest X.

Cadangkan X.

Soalan menguji kebolehan mengenalpasti logam X dengan yang betul berdasarkan susunan kereaktifan pada soalan (c)(i).

.. Copper

Jawapan yang tepat.

Silver


Jawapan yang salah kerana unsur yang dicadangkan tidak sesuai dengan pemerhatian dalam tindak balas.

Soalan 5 (d)


(d) Draw a labelled diagram for the apparatus set-up used in set II.

Lukis rajah berlabel bagi susunan radas yang digunakan dalam set II.


Soalan menguji kefahaman melukis susunan radas yang berfungsi dan berlabel.



Jawapan yang baik dan menepati kehendak soalan.



Jawapan yang kurang tepat. Lukisan rajah adalah betul namun susunan radas salah kerana kasa dawai digunakan.



Jawapan yang tidak tepat kerana susunan radas yang salah.

Soalan 6

- 6 Diagram 5.1 shows the graph of the mass of zinc against time for the reaction between zinc and hydrochloric acid. In this experiment, 5.00 g of zinc is added to 100 cm³ of 1.0 mol dm⁻³ hydrochloric acid to study the rate of reaction at the temperature of 30 °C.

Rajah 5.1 menunjukkan graf jisim zink melawan masa bagi tindak balas antara zink dan asid hidroklorik. Dalam eksperimen ini, 5.00 g zink ditambahkan kepada 100 cm³ asid hidroklorik 1.0 mol dm⁻³ untuk mengkaji kadar tindak balas pada suhu 30 °C.





Diagram 5.1
Rajah 5.1

Soalan 6 (a)


- (a) Write the chemical equation for the reaction.

Tulis persamaan kimia bagi tindak balas ini.

Soalan memerlukan calon menulis formula bahan dan hasil tindak balas dan seterusnya mengimbangkan persamaan kimia tersebut.




Jawapan yang cemerlang di mana formula bahan dan hasil tindak balas ditulis dengan betul dan seterusnya mengimbangkan persamaan kimia tersebut.



Jawapan yang kurang tepat. Formula bahan dan hasil tindak balas dapat ditulis dengan betul tetapi tidak dapat mengimbangi persamaan tersebut.



Jawapan tidak tepat. Penulisan formula bagi bahan/hasil tindak balas namun dapat ditulis namun tidak tepat kerana berkemungkinan tidak dapat mengingat formula bagi setiap ion. Kesilapan dalam tatacara menuliskan formula hasil tindakbalas.



Respons jawapan yang lemah di mana tidak dapat membezakan persamaan kimia dan persamaan ion.

Soalan 6 (b)(i)

(b) Based on Diagram 5.1,

Berdasarkan Rajah 5.1,

(i) why is the curve in the graph remains constant after t_1 second?

mengapakah lengkung bagi graf kekal mendatar selepas t_1 saat?

Soalan menguji kefahaman untuk memberikan sebab mengapa graf kekal mendatar selepas t_1 saat.

HCl is fully react with Zn

Jawapan adalah tepat. Calon dapat menerangkan dengan betul mengapa lengkung bagi graf kekal mendatar.

Tindak balas yang berlaku antara zink dan asid hidroklorik sudah selesai

Because the reaction has complete.

The mass of zinc decrease with time.

Zinc has been used up

kerana suhu telah mencapai 0°C

Contoh-contoh jawapan yang tidak tepat kerana tidak menerangkan dengan betul mengapa graf mendatar.

Soalan 6 (b)(ii)

(ii) determine the mass of unreacted zinc in the experiment.

tentukan jisim zink yang tidak bertindak balas dalam eksperimen itu.

Soalan menguji kefahaman untuk menentukan jisim zink yang tidak bertindakbalas dalam eksperimen. Kemahiran yang diuji dalam tugas ini ialah menterjemah maklumat daripada graf.

1.75g

Jawapan menepati kehendak soalan.

1.75

Jawapan tidak tepat disebabkan kegagalan menulis unit.

$$5.00 - 1.75 = 3.25 \text{ g}$$

Jawapan salah kerana tidak dapat menentukan cara mendapatkan jisim yang tepat. Penguasaan kemahiran mendapatkan maklumat daripada graf yang lemah.

Soalan 6 (c)


- (c) In this experiment, the rate of reaction can also be determined by measuring the volume of hydrogen gas produced at regular intervals of time.

Draw the apparatus set-up for the experiment.


Dalam eksperimen ini, kadar tindak balas boleh ditentukan dengan mengukur isi padu gas hidrogen yang dihasilkan pada sela masa yang tetap.

Lukis rajah susunan radas untuk eksperimen ini.


Soalan menguji kemahiran melukis gambar rajah susunan radas yang berfungsi dan berlabel dengan betul untuk mengukur kadar tindak balas.



Kualiti jawapan yang dipamerkan adalah cemerlang kerana dapat melukis susunan radas yang berfungsi dengan betul serta berlabel.



Jawapan tidak tepat. Radas tidak berfungsi kerana buret tidak diapitkan.



Jawapan tidak tepat kerana pemilihan dan susunan radas yang tidak sesuai.


Soalan 6 (d)(i)

(d) The experiment is repeated at the temperature of 40°C with other factors remain unchanged.


Eksperimen diulangi pada suhu 40°C dengan semua faktor lain kekal tidak berubah.

(i) Sketch the curve obtained for this experiment on the same axis in Diagram 5.2.


Lakarkan lengkung yang diperolehi dalam eksperimen pada paksi yang sama dalam Rajah 5.2.



Tugasan soalan memerlukan kemahiran meramal dan melakar graf yang betul apabila eksperimen diulang pada suhu yang berlainan.



Jawapan yang tepat. Calon dapat melakarkan graf yang betul dengan kecerunan yang lebih tinggi pada suhu yang lebih tinggi tetapi mendatar pada 1.75 g.



Jawapan yang tidak tepat. Calon tidak dapat mengaitkan kecerunan graf dengan kadar tindak balas.

Soalan 6 (d)(ii)

- (ii) Based on your answer in 6(d)(i), explain how temperature affects the rate of reaction by using collision theory.

Berdasarkan jawapan anda di 6(d)(i), terangkan bagaimana suhu mempengaruhi kadar tindak balas dengan menggunakan teori perlanggaran.

Soalan menguji kefahaman untuk menerangkan bagaimana faktor suhu mempengaruhi kadar tindak balas berdasarkan teori perlanggaran.

The higher the temperature, the kinetic energy of zinc atom and hydrogen ion is higher. The frequency collision between zinc atom and hydrogen ion increase. The frequency of effective collision increase. The rate of reaction ~~there~~ increase.

Kualiti jawapan memenuhi kehendak soalan kerana penerangan merangkumi zarah mempunyai tenaga kinetik, frekuensi perlanggaran antara zarah dan frekuensi perlanggaran berkesan.

